

13 MAR 1999

Sabah-Reaksi

BUKTI RAKYAT SABAH PERCAYA WADAH PERJUANGAN BN, KATA PEMIMPIN BN

KUALA LUMPUR, 13 Mac (Bernama) -- Pemimpin-pemimpin Barisan Nasional (BN) malam ini berkata kemenangan BN dalam pilihan raya Sabah menunjukkan penerimaan rakyat negeri itu kepada wadah perjuangan BN serta sokongan padu kepada kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak berkata kejayaan BN membentuk semula kerajaan negeri Sabah dengan jelas membuktikan rakyat negeri itu menerima wadah perjuangannya dan Umno untuk meneruskan pembangunan.

"Ia dengan jelas menunjukkan bahawa rakyat Sabah menerima wadah perjuangan BN dan Umno. Kejayaan itu juga menunjukkan pengiktirafan rakyat negeri itu kepada kerajaan pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya kepada Bernama.

Kejayaan itu, kata Najib, membuktikan bahawa rakyat Sabah mahu BN terus memberi peruntukan kewangan bagi membangunkan negeri itu.

Mengenai prestasi Umno pada pilihan raya negeri itu, Najib berkata beliau amat berpuas hati dengan kejayaan calon-calonnya kerana ia membuktikan rakyat Sabah tidak memandang parti itu hanya berkepentingan di Semenanjung sahaja.

Umno memenangi kesemua 24 kerusi yang ditandinginya.

Ketika mengulas kemenangan Parti Bersatu Sabah (PBS) di beberapa kawasan, Najib berkata ia menunjukkan bahawa sentimen perkauman dan agama masih memainkan peranan yang penting terutamanya di kawasan yang majoritinya kaum Kadazandusun.

"Persoalan mengenai kaum dan agama adalah lebih penting daripada persoalan personaliti atau topik pembangunan di kawasan itu yang sememangnya amat memerlukannya," kata Najib.

Ketua Menteri Tan Sri Bernard Dompok dan Datuk Joseph Kurup adalah antara pemimpin penting kaum itu yang tewas kepada calon PBS masing-masing di kawasan Moyog dan Bingkor.

Di IPOH, Presiden MIC Datuk Seri S.Samy Vellu berkata kemenangan BN membuktikan sokongan padu terhadap kepimpinan Dr Mahathir dan kepercayaan bahawa BN mampu mempertingkatkan taraf hidup rakyat Sabah.

Samy Vellu yang juga Menteri Kerja Raya berkata rakyat Sabah juga yakin akan kemampuan BN meneruskan usaha-usaha pembangunan di negeri itu seperti yang dijanjikan.

Beliau berkata kemenangan itu juga membuktikan rakyat Sabah mahu Dr Mahathir terus memimpin negara.

Malah sokongan mereka dapat mempertingkatkan lagi populariti Dr Mahathir sebagai pemimpin berkaliber negara, katanya.

Samy Vellu berkata beliau berterima kasih dan berbesar hati di atas keputusan yang di buat oleh pengundi di Sabah untuk mengekalkan kerajaan BN di negeri itu.

Sementara itu, Presiden Persatuan Pelabur Malaysia Dr P.H.S.Lim berkata kemenangan BN dalam pilihan raya negeri Sabah akan meningkatkan keyakinan para pelabur dalam pasaran kewangan Malaysia.

Lim berkata pasaran yang berada dalam keadaan tidak menentu buat beberapa ketika sebelum ini, seharusnya mendapat reaksi positif dengan keputusan pilihan raya itu.

"Ia akan menghapuskan ketidaktentuan yang berada di pasaran, yang menyebabkan pelabur mengambil sikap tunggu dan liat, sebelum membuat sebarang komitmen," katanya kepada Bernama apabila ditanya berkaitan

kemenangan BN dalam pilihan raya di Sabah.

Lim berkata pelabur asing dan tempatan mahu melihat kesinambungan dalam pentadbiran kerajaan negeri.

Mereka juga melihat keputusan pilihan raya negeri itu sebagai petunjuk terhadap sentimen rakyat dalam pilihan raya umum yang akan datang, katanya.

"Pasaran perlukan kestabilan," katanya.

-- BERNAMA